

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN  
**KAWASAN :** TANJUNG MANIS  
**TARIKH :** 7 MAC 2017, SELASA

**SOALAN:**

**YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian dapat membuat kajian kesesuaian ('feasibility study') untuk membina jambatan di Pulau Bruit ke Daro bagi kemudahan penduduk tempatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina Jambatan Muara Lassa dari Pulau Bruit ke Daro ialah salah satu daripada 10 jambatan yang masih belum dibina di sepanjang Jalan Pesisir Pantai Sarawak. Setakat ini Kementerian Kerja Raya masih belum menjalankan kajian awalan atau 'feasibility study' bagi projek berkenaan. Ini kerana jambatan tersebut terletak di laluan berstatus Jalan Negeri - iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Namun begitu kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Negeri

sedang mempertimbangkan cadangan untuk memasukkan projek tersebut dalam senarai permohonan Rolling Plan Ke-3 (2018-2019), RMKe-11 kepada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.